

INTEGRASI REALITI DAN TAZKIYAH AL NAFS DALAM MEMBANGUNKAN IDENTITI BERJAYA

Amnah Maktar¹

Pejabat Kesihatan Daerah SPS
Emel: *amnahmaktar@gmail.com*

Nor Hernamawarni Abdul Majid²

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Identiti berjaya menekankan identiti yang yakin kebolehan dirinya kerana memiliki efikasi atau keyakinan sendiri yang tinggi, berdikari dalam membuat keputusan sendiri, bertanggungjawab ke atas keputusan yang dibuat, dan bertindak secara berterusan bagi mencapai apa yang dipilih dalam usaha untuk membangunkan konsep sendiri yang positif di dalam sesebuah negara bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi. Pendidikan kini hendaklah membangunkan seseorang pelajar itu dengan cara seimbang; iaitu berjaya di dunia akademik dan berjaya juga membentuk "identiti berjaya" pada diri pelajar supaya boleh berdikari dengan yakin berada dalam apa jua aktiviti yang dilibatnya. Justeru itu, pendidikan juga memainkan peranan yang sangat penting dalam membolehkan seseorang memiliki identiti berjaya bagi meningkatkan pencapaian akademik bagi sesebuah negara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi. Kertas kerja ini akan menjelaskan berkaitan profil tiga atribut pelajar iaitu locus kawalan, penghargaan sendiri dan tahap motivasi pelajar dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pelajar-pelajar sendiri dengan menyedari bahawa atribut-atribut tertentu penting bagi memajukan diri mereka. Disamping para pelajar sendiri akan memberi tumpuan kepada atribut-atribut ini agar mereka dapat memiliki identiti berjaya demi mencapai kejayaan di dunia mahupun di akhirat.

Kata Kunci: Identiti Berjaya, Atribut, Pelajar, *Tazkiyah Al Nafs*.

Abstract

Successful identity is an identity that is confident in their ability because it has higher level self-confidence, an independence while making their own decisions, responsibility for the making decisions, and consistency to achieve what is chosen to develop a positive self-concept. The education must be developing a student in a balanced way; that is, succeeding in the academic world and succeeding in forming a "successful identity". Therefore, education also plays a very important role in enabling a person to have a successful identity to improve academic achievement for a country to produce high quality human capital and morale. This paper will explain the profile of three student attributes, such as locus of control, self-esteem and student motivation among students. This study can also benefit the students themselves by realizing that certain attributes are important for their self-improvement. In addition, the students will focus on these attributes so that they can have a successful identity in order to achieve success in this world and in the hereafter.

Keywords: *Successful Identity, Attributes, Student, Tazkiyah Al Nafs.*

PENGENALAN

Pendidikan masa kini memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan masyarakat dan negara yang moden lagi maju. Bagi menjamin tercapainya visi dan misi ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah merancang strategi baru melalui Program Transformasi Pendidikan Malaysia. Fokus utama program ini adalah untuk memastikan "tidak boleh ada anak ketinggalan dalam pendidikan", yang menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia serius untuk mendidik generasi bangsa akan datang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Dasar ini diberi penekanan yang betul-betul istimewa, kerana pendidikan merupakan satu proses yang sangat penting bagi melahirkan individu yang bukan sahaja mempunyai daya berfikir yang tinggi, bahkan mempunyai daya saing yang tinggi supaya berkemampuan untuk bersaing bukan sahaja di bumi Malaysia bahkan juga di medan antarabangsa. Justeru itu, pendidikan kini hendaklah membangunkan seseorang pelajar itu secara seimbang; berjaya di dunia akademik dan berjaya juga membentuk "identiti berjaya" pada diri pelajar supaya boleh berdikari dengan yakin di mana sahaja ia berada dan di dalam apa jua aktiviti yang dilibatinnya (Glasser & Wubbolding, 1998). Menurut Glasser & Wubbolding (1998), identiti berjaya menekankan identiti yang yakin akan kebolehan dirinya lantaran ia memiliki efikasi atau keyakinan sendiri yang tinggi, berdikari dalam membuat keputusan sendiri, bertanggungjawab ke atas keputusan yang dibuat, dan bertindak secara istiqamah bagi mencapai apa yang dipilih dalam usaha untuk membangunkan konsep sendiri yang positif di dalam sesebuah negara bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi.

Sistem pendidikan negara telah banyak mengalami proses pembaharuan dan transformasi sejak Laporan Pelajaran yang pertama pada tahun 1956 yang sering disebut sebagai *Razak Report*, yang kemudiannya diikuti oleh *Abdul Rahman Talib Report*, 1960 dan *Mahathir Report* 1971, bagi memastikan hasil yang dibina oleh sistem ini memenuhi hasrat negara. Selaras dengan perkembangan negara, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang cergas dan mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang dan beridentiti berjaya bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pendidikan juga memainkan peranan yang sangat penting dalam membolehkan seseorang memiliki identiti berjaya bagi meningkatkan pencapaian akademik bagi sesebuah negara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi. Kelahiran ramai graduan universiti dalam bidang profesional dan kenaikan peratusan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah menunjukkan bahawa sistem pendidikan, persekolahan dan modal insan di Malaysia telah mencapai satu tahap kualiti yang boleh dibanggakan.

Dalam hal ini juga, tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian atau kecemerlangan akademik yang dicapai oleh pelajar dalam peperiksaan dalaman dan awarn merupakan antara kayu pengukur kejayaan pelajar dan sekolah yang terpenting. Narnun begitu, dalam era kemajuan wujud juga pelajar-pelajar yang berprestasi rendah dan untuk mencapai kecemerlangan akademik bukanlah satu perkara yang mudah tetapi tidak mustahil.

Pada masa ini, kita dapati kajian-kajian yang telah dijalankan banyak memberi tumpuan kepada kajian-kajian berbentuk korelasi seperti kajian oleh Salmiza Saleh & Anis Diyana Halim (2016), Dursanita Abdullah (2016), Wan Naliza Wan Jaafar & Siti Mistima Maat (2020). Kebiasaannya pula kajian-kajian ini lebih melihat kepada korelasi pencapaian dengan faktor-faktor luar sedangkan identiti berjaya amat mementingkan faktor dalaman yang merupakan atribut-atribut individu. Malah, kajian-kajian yang melibatkan intervensi tidak begitu banyak, dan jika ada pun seringkali pula menggunakan Teori-Teori Kaunseling Konvensional seperti kajian oleh Tan Hua Khim (2014) dan Siti Suraiyah binti M. Horsi & Ahmad Jazimin bin Jusoh (2019). Kajian-kajian yang menggunakan gabungan Teori Konvensional dan Spiritual Islam amat sedikit dan tidak banyak dilakukan dalam negara dan juga di luar negara (Wan Abd. Kader Wan Ahmad & Ismail Abdul Ghani, 2006). Walaupun sedikit, gabungan Terapi Realiti dan *Tazkiyah Al Nafs* misalnya membuktikan bahawa gabungan ini berupaya untuk membangunkan identiti berjaya dan memberi sumbangan kepada perkembangan dan kefungasian pelajar (Md Noor Saper et al., 2016). Kajian yang bakal dijalankan ini berhasrat untuk meneruskan jejak langkah kajian-kajian lepas yang mencerapkan unsur-unsur agama dan kerohanian yang telah mencapai kejayaan bagi mengimbangkan apa yang ditekankan oleh teori-teori barat iaitu domain kognitif, afektif dan psiko-fizikal sahaja, manakala teori spiritual khususnya teori Islamik menambah dengan menekankan juga aspek *nafs* (jiwa atau diri), *qalb* (hati) dan *ruh*.

Faktor Pencapaian Pelajar

Jumlah pelajar yang semakin meningkat di institusi-institusi pendidikan menunjukkan negara telah bersedia dengan keperluan tenaga kerja yang diperlukan, dari segi bilangan, untuk menjadi sebuah negara maju. Namun begitu keputusan peperiksaan awam dan sekolah menunjukkan masih terdapat pelajar-pelajar yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk menjadi modal insan yang benar-benar produktif. Kadang kala terdapat pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah rendah, tidak meneruskan kecemerlangan mereka di peringkat sekolah menengah, manakala pelajar yang cemerlang di sekolah menengah pula tidak cemerlang di peringkat institusi pengajian tinggi. Dari kajian-kajian korelasi yang disebutkan, kita dapati prestasi akademik ini berkait rapat dengan faktor dalaman dan luaran pelajar (Norhani Bakri et al., 2005).

Secara umumnya terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar iaitu faktor luaran (*external factor*) dan faktor dalaman (*internal factor*). Faktor luaran merupakan desakan dan elemen luar yang mendorong dan membantu pelajar untuk berjaya seperti sokongan keluarga, sokongan sosial, kemudahan belajar di rumah dan di sekolah dan sebagainya, manakala faktor dalaman pula merupakan atribut-atribut psikologi individu seperti faktor sikap, nilai sendiri, motivasi, komitmen dan usaha pelajar itu sendiri untuk berjaya. Faktor kejayaan pelajar bukan sahaja bergantung kepada faktor diri sendiri atau dalaman (*internal*) tetapi faktor luaran (*external*) juga. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi pencapaian pelajar berdasarkan tiga atribut psikologi dengan mengaitkan profil ketiga-tiga atribut yang dikaji dengan faktor jantina dan lokasi sekolah. Atribut yang menjadi faktor dalaman pelajar yang berkait dengan pencapaian rendah pelajar akan dirawat secara psikologi dan spiritual agar mereka berubah dari segi identiti iaitu dari identiti gagal (*failure identity*) kepada identiti berjaya (*success identity*) seperti mana yang dianjurkan oleh psikologi sosial.

Lokus Kawalan

Lokus kawalan didefinisikan sebagai tingkah laku yang berasaskan kepada tahap kawalan sistem kepercayaan seseorang individu. Menurut Anderson, Hattie dan Hamilton (2005), lokus kawalan seseorang itu seharusnya difahamkan sebagai penyebab yang jelas kepada keupayaan kawalan sistem kepercayaan seseorang itu dalam kehidupannya. Menurut Rotter (1966, 1975), konsep lokus kawalan merujuk pada kepercayaan individu pada dirinya sendiri (lokus kawalan dalaman) ataupun kepercayaan dirinya dipengaruhi oleh faktor luar (lokus kawalan luaran). Chal dan Leung (2004) pula merujuk lokus kawalan kepada sangkaan untuk mengawal persekitaran dan kepercayaan seseorang agar dapat mengawal tahap kawalan diri dan desakan persekitaran dan mengatasinya dengan baik. Sementara itu, menurut Huebner, Ash dan Laughlin (2001), lokus kawalan merujuk kepada tahap seseorang merasa bahawa kejayaan atau kegagalannya bergantung pada diri sendiri. Kenyataan ini membawa maksud sama ada seseorang individu itu mempunyai kuasa atau keyakinan diri ke atas peristiwa yang berlaku ke atas dirinya.

Bandura (1997) menyatakan lokus kawalan dalaman mempunyai maksud yang agak sama dengan konsep efikasi sendiri. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan remaja yang memiliki lokus kawalan dalaman mempunyai efikasi diri yang tinggi dan bermotivasi berbanding dengan remaja yang memiliki lokus kawalan luaran (Esterhuysen & Stanz, 2004). Tahap kawalan dalaman boleh dikenal pasti sebagai satu ciri personaliti pelajar yang dominan (Bar-Tal & Bar-Zohar, 1977). Individu yang mempercayai bahawa dia boleh mempengaruhi kehidupan sendiri dikatakan mempunyai jangkauan kawalan dalaman, manakala individu yang menganggap yang dia tidak boleh mempengaruhi persekitaran dikatakan mempunyai lokus kawalan luaran (Wan Abdul Kader, 1994). Individu yang memiliki lokus kawalan dalaman mempercayai mereka berupaya dapat mengawal apa yang berlaku dalam kehidupan mereka, manakala individu yang memiliki lokus kawalan luaran mempercayai apa yang berlaku pada kehidupan mereka disebabkan oleh faktor nasib, berlaku secara kebetulan atau individu lain yang mempengaruhi diri mereka.

Penghargaan Kendiri

Azizi Yahya dan Norlaily Ahmad (2006), menyatakan penghargaan sendiri adalah satu gambaran persepsi sendiri yang tersusun dan boleh dibawa ke peringkat sedar tentang kebolehan, persepsi dan konsep sendiri berbanding dengan orang lain dan persekitarannya. Penghargaan sendiri juga memberi maksud penghormatan terhadap diri sendiri yang meliputi keseluruhan yang memberi maksud kepada maruah diri. Menurut Azizi Yahya dan Norlaily Ahmad (2006), penghargaan sendiri adalah satu orientasi positif atau negatif terhadap individu yang merupakan satu penilaian keseluruhan tentang penaksiran dan nilai dalam diri. Individu yang mempunyai motivasi terhadap diri sendiri memperoleh penghargaan sendiri yang tinggi.

Motivasi

McClelland (1985) mengatakan bahawa motivasi merupakan satu set proses memberi tenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan menjuruskan tingkah laku kepada satu-satu matlamat. Seseorang yang bermotivasi membuat pilihan positif untuk melaksanakan sesuatu itu sebab dia mengetahui tindakan itu bermakna dan boleh memuaskan keperluannya.

Pendekatan Teori Dan Terapi

Teori "*Reality Therapy*" telah dipelopori oleh William Glasser 1925-2013. Glasser dalam Amir Awang (2021) memfokuskan Terapi Realiti kepada 3R iaitu *realism*, *responsibility* and *right-and-*

wrong. Melati Sumari et al. (2014) menjelaskan Terapi Realiti percaya bahawa manusia dimotivasikan oleh dorongan masa kini dan bukannya kejadian-kejadian lampau, lekatan atau rangsangan luaran. Idea utama Terapi Realiti ialah manusia bertanggungjawab ke atas dirinya sendiri kerana setiap perkara yang berlaku adalah dicipta oleh diri sendiri dan pilihan sendiri. Melati Sumari et al. (2014) juga menjelaskan tingkah laku dan tindakan manusia merupakan manifestasi percubaan untuk mengawal persepsi dunia luarnya dan menyesuaikan dengan dunia peribadi masing-masing sebagaimana otak juga berfungsi untuk mengawal serta mengarahkan semua tingkah laku untuk memenuhi keperluan asas manusia.

Selain itu, matlamat Terapi Realiti ialah untuk membantu klien mencapai apa yang dikehendaknya (*want*) dengan cara yang lebih rasional. Tumpuan Terapi Realiti ialah mengajar manusia supaya menjadi lebih efisien dengan menggunakan pendekatan dan strategi yang lebih berkesan untuk berhadapan dengan sesuatu realiti, agar ia dapat mencapai matlamat yang dibentuknya. Kaunselor Terapi Realiti membantu klien meneliti serta menilai tingkah laku sedia ada dengan pilihan yang dibuatnya dan mengaitkannya dengan keperluan hidupnya iaitu perasaan kasih sayang dan perasaan dimilikinya (*love and belonging*), kelangsungan hidup (*survival*), kuasa (*power*), keseronokan (*fun*) dan kebebasan (*freedom*). Terapi ini membantu kliennya untuk mengkaji dan menilai setiap kehendaknya dan membantu klien mencapainya secara lebih rasional dengan lebih bersungguh dan bertanggungjawab (Melati Sumari et al., 2014).

Melalui Terapi Realiti, kaunselor boleh membantu klien menilai semula perjalanan dan matlamat hidupnya dan memikirkan alternatif yang lebih sesuai untuk memenuhi keperluan dan matlamat dirinya untuk dilaksanakan oleh klien dengan bantuan kaunselor. Oleh itu, Wubbolding (2011), seorang pelajar Glasser telah mempelopori proses utama dalam Terapi Realiti berdasarkan akronim WDEP - W (*wants*) bermaksud “apa yang klien mahukan atau tujuan bertemu dengan kaunselor”; D (*doing or direction*) tingkah laku dan arah tujuan tindakan klien, E (*evaluation*) adalah penilaian klien akan tingkah lakunya berhubung dengan matlamatnya dan P (*plan*) merujuk kepada rancangan atau pelan tindakan yang akan dilakukan oleh klien bagi mencapai matlamatnya. Pada peringkat ini, klien dibantu untuk merancang dan bertindak secara spesifik bagi mencapai objektifnya. Perancangan yang berkesan hendaklah mengikuti akronim SAMI2C3 yang bermaksud: *simple* (mudah), *attainable* (boleh dicapai), *measureable* (boleh diukur), *involved* (terlibat) and *immediate* (serta merta), *controlled* (boleh dikawal oleh klien), *committed* (komited) dan *continuous* (berterusan). Umumnya, matlamat Terapi Realiti ialah untuk menyediakan suatu suasana mesra yang dapat membantu klien membina kekuatan psikologinya (*psychological strength*) untuk menilai tingkah laku semasa dalam usahanya untuk mencapai matlamat yang dikehendaki dan seterusnya secara rasional membuat pilihan tindakan baru yang lebih realistik, rasional dan lebih bertanggungjawab dan yang lebih dapat dikawalnya sendiri (Amir Awang, 2021).

Demikian sedikit huraian dan penjelasan mengenai terapi realiti yang akan digabungkan dengan *Tazkiyah Al Nafs*, idea asal daripada Iman Al-Ghazali (1983), kini telah diolah oleh Salasiah (2016) dengan menyatakan kaunseling spiritual atau *Tazkiyah Al Nafs* merupakan suatu teori yang telah dipelopori oleh Imam al-Ghazali (Salasiah Hanim Hamjah, 2016). *Tazkiyah Al Nafs* merupakan suatu proses yang bersungguh-sungguh untuk membersihkan jiwa dan menyucikan hati insan-insan yang jiwanya (*nafs*) dan hatinya (*qalb*) telah dikotori oleh berbagai-bagai perbuatan yang melanggar syari’at Islam. Menurut Che Zarrina Sa’ari & Nor Azlinah Zaini (2016)

Tazkiyah Al Nafs melibatkan satu proses peralihan daripada jiwa yang kotor, ternoda dan tercemar dengan dosa-dosa kepada jiwa yang suci bersih dan daripada hati yang tidak mengikut peraturan syari'at kepada hati yang mengikut kepada tuntutan syari'at, daripada hati yang kafir kepada hati yang mukmin, daripada individu yang munafik kepada individu yang bersikap jujur, beramanah dan berintegriti, manakala sifat dendam digantikan dengan sifat pemaaf, *tawaddu'*, *tawakkal*, terkawal dan sebagainya. Semua sifat-sifat tercela tadi dinamakan sifat-sifat *mazmumah* manakala sifat-sifat terpuji pula dinamakan sifat-sifat *mahmudah*.

Tazkiyah Al Nafs menyentuh tentang aspek mengenali diri sendiri, mengetahui kekuatan dan kelemahan diri serta mengenal tingkah laku negatif yang merosakkan diri dan seterusnya mengenali tindakan-tindakan untuk menghindari sifat-sifat tersebut. Proses ini diikuti dengan usaha peningkatan kualiti jiwa dengan mengembangkan sifat-sifat positif serta terfokus dengan *mujahaddah*, yakni berusaha bersungguh-sungguh bagi menghapuskan segala sifat *mazmumah* yang diuraikan sebelum ini, untuk digantikan dengan tingkah laku - tingkah laku dan sifat-sifat baru yang positif. Proses membersihkan jiwa daripada sifat-sifat *mazmumah* ini disebut *takhalli* dan setelah jiwa kita bersih dari sifat-sifat negatif ini, jiwa kita hendaklah diisi dengan sifat-sifat *mahmudah* untuk menghiasi jiwa, proses ini dinamakan *tahalli*. Proses *tahalli* ini dilakukan melalui berbagai-bagai jenis amalan dan seterusnya klien akan memperolehi kebahagiaan hidup (*al-sa'adah*). Dengan penjelasan yang ringkas dan '*oversimplified*' ini diharap konsep *Tazkiyah Al Nafs* ini dapat difahami sebagai suatu usaha yang bersungguh-sungguh oleh seseorang individu untuk membersihkan jiwa dan hatinya yang kotor dan tercela supaya menjadi bersih dan suci (Salasiah Hanim Hamjah, 2016).

Imam Al-Ghazali melihat pembinaan personaliti seseorang merangkumi keseluruhan individu secara holistik. Ianya meliputi dua aspek utama iaitu aspek jasmani dan rohani. Kedua-dua aspek ini saling mempengaruhi antara satu sama lain. Namun demikian, aspek kerohanian mempunyai pengaruh yang lebih terhadap perkembangan dan personaliti seseorang. Memandangkan nilai-nilai positif yang akan terhasil dari Terapi Realiti dan Terapi *Tazkiyah Al Nafs*, maka pengkaji mengintegrasikan Teori Realiti dengan konsep *Tazkiyah Al Nafs* dalam usaha untuk merawat hati secara bersepadu yang disusuli dengan beberapa pendekatan praktikal dan amalan kerohanian sekaligus menggabungkan domain kognitif, afektif dan psikomotor dengan konsep *nafs*, *qalb* dan *ruh* bagi menghasilkan suatu pendekatan komprehensif yang menggabungkan dunia dan akhirat (Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah Zaini, 2016). Ia merupakan suatu pendekatan kepada proses pembentukan diri melalui kesedaran dan celik akal dalam usaha membuang sifat-sifat dan tingkah laku-tingkah laku negatif yang bercanggah dengan norma masyarakat serta kehendak agama yang dilakukan dengan *mujahaddah* bagi melahirkan tingkah laku baru yang positif, sekaligus menghasilkan identiti berjaya berlandaskan syari'at Islam, norma masyarakat dan akhlak serta kehendak-kehendak diri sendiri yang diusahakan dengan penuh keyakinan akan berjaya.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Intervensi Integrasi Kaunseling Kelompok Terapi Realiti – *Tazkiyah Al Nafs* merupakan satu sumbangan baru kepada pengamal kaunseling atau kaunselor terutamanya di institusi pendidikan bagi membangunkan identiti berjaya dalam kalangan pelajar berdasarkan tiga atribut utama; penghargaan sendiri, lokus kawalan dan motivasi. Atribut psikologi pelajar tersebut berkait rapat dengan kejayaan hidup pelajar, baik di dunia mahupun di akhirat. Apabila pendekatan

gabungan ini benar-benar terbukti berjaya di dalam membangunkan identiti berjaya dalam kalangan pelajar, adalah logikal untuk pendekatan baru ini menjadi fokus sebahagian besar Kaunselor Berdaftar di Malaysia, dan kejayaan ini dijangka tidak akan terbatas kepada lingkungan institusi pendidikan sahaja, bahkan pejabat-pejabat kerajaan dan firma-firma juga akan mengambil kesempatan ini untuk memperbaiki keadaan staf masing-masing demi untuk mencapai visi dan misi institusi masing-masing di samping memakmurkan ekonomi negara yang sekali gus akan meningkatkan martabat negara di mata dunia.

RUJUKAN

- Amir Awang. (2021). Terapi Realiti. In *Teori Kaunseling*. bakal diterbitkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia.
- Che Zarrina Sa'ari, & Nor Azlinah Zaini. (2016). Terapi Spiritual melalui Kaedah Tazkiyah al-Nafs oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili dalam Kitab Penawar Bagi Hati. *Ejournal.Um.Edu.My,18* (Special issue), 35–72.
- Dursanita Abdullah. (2016). *Hubungan Sumbangan Kewangan, Dorongan Motivasi dan Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni Terhadap Pencapaian Akademik Murid*. Universiti Putra Malaysia.
- Glasser, W., & Wubbolding, R. E. (1998). *Reality Therapy*. New York: HarperCollins.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. In *Education* (Vol. 27, Issue 1). <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Md Noor Saper, Nurul Ain Mohd Daud, & Norazani Ahmad. (2016). Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) ke atas Pelajar Bermasalah Tingkah Laku. *International Journal of Islamic Thought*, 9, 32–43. <https://doi.org/10.24035/ijit.9.2016.004>
- Melati Sumari, Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid, & Azmawaty Mohamad Nor. (2014). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Universiti Malaya.
- Norhani Bakri, Noor Zainab Abd Razak, Hamidah Ab Rahman, & Aminah Hj Ahmad Khalid. (2005). Punca Prestasi Pembelajaran Yang Lemah Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jurnal Teknologi*. <https://doi.org/10.11113/jt.v43.792>
- Salasiah Hanim Hamjah. (2016). *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al-Ghazali*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmiza Saleh, & Anis Diyana Halim. (2016). Kecenderungan Otak dan Hubungannya dengan Pencapaian dan Motivasi Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 65–69.
- Siti Suraiyah binti M. Horsi, & Ahmad Jazimin bin Jusoh. (2019). Integrasi Teori Pilihan Terapi (CTR) dengan Aktiviti Ekspresif Seni (EA) Terhadap Perubahan Tingkah Laku Mangsa Buli. *International Conference on Counselling and Behavioural Science (ICCoBS)*.
- Tan Hua Khim. (2014). *Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT Terhadap Harga Diri, Motivasi Pencapaian dan Ponteng Kelas dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin* [Universiti Putra Malaysia]. <https://doi.org/10.4324/9781315853178>
- Wan Abd. Kader Wan Ahmad, & Ismail Abdul Ghani. (2006). Satu Penilaian Kritikal Terhadap Teori dan pendekatan. In Fariza Md Sham & Siti Rugayah Tibek Othman Talib (Eds.), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Naliza Wan Jaafar, & Siti Mistima Maat. (2020). Hubungan Antara Motivasi dengan Pencapaian matematik dalam Kalangan Murid Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 10(1), 39–48.